

Kata Kunci:
Belia / Anak muda
Bimbing / Didik
Peranan



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

3 Julai 2026 / 17 Muharram 1448H

Belia Bertakwa, Amanah Bersama

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. قَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تُمُوتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Semoga lembaran bulan Muharram ini terus memacu kita ke arah kebaikan di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudaraku,

Pernahkah kita terfikir: apakah pandangan Islam terhadap golongan **muda** dan **belia**?

Untuk menjawab soalan ini, ayuh kita hayati satu gambaran tentang **belia** yang diutarakan oleh seorang sahabat Rasulullah

s.a.w., iaitu Abu Sa'id Al-Khudri r.a., di mana beliau sendiri telah merupakan seorang **pemuda** ketika memeluk Islam.

Diriwayatkan bahawa Abu Sa'id Al-Khudri r.a. apabila melihat para pemuda dan **belia** datang untuk menuntut ilmu, beliau akan berkata, "*Selamat datang kepada para wasiat Rasulullah s.a.w.*"

Wasiat Rasulullah s.a.w., yakni yang sering dipesankan dan diingatkan oleh Rasulullah s.a.w. Inilah gambaran yang diberikan oleh seorang sahabat Rasulullah s.a.w. ke atas golongan **belia**, terutama mereka yang gigih menuntut ilmu lalu menyebarkannya demi kemanfaatan umat manusia.

Saudara sekalian,

Kita sedia maklum bahawa gambaran **belia** terhadap kehidupan dipengaruhi persekitaran yang dibentuk oleh golongan dewasa. Maka, menjadi amanah di atas pundak setiap orang dewasa, terutama sekali dari kalangan kaum mukmin, memainkan **peranan membimbing** golongan **belia** mengikut panduan Ilahi.

Dalam hal ini, Al-Quran sarat dengan kisah tauladan, pesanan dan doa yang amat sesuai dijadikan pedoman dalam **mendidik anak muda**. Ini termasuk pesanan-pesanan seorang lelaki soleh kepada anaknya dalam Surah Luqman, ayat ke-17:

يَبُنَىٰ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: *“Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah berbuat kebaikan dan cegahlah kemungkaran, dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu, sesungguhnya yang demikian itu termasuk perkara yang perlu diambil berat.”*

Melalui sirah Rasulullah s.a.w. pula, kita mempelajari pendekatan terbaik dalam membentuk dan memperkasa keperibadian golongan **belia**. Lihat sahaja bagaimana Rasulullah s.a.w. berurusan dengan seorang sahabat yang bernama Zaid bin Thabit r.a.

Zaid r.a. juga telah merupakan seorang **anak muda**. Dan disebabkan usianya itu, Rasulullah s.a.w. tidak mengizinkan beliau menyertai kaum Muslimin dalam peperangan Badar. Namun demikian, Rasulullah tidak meremehkan semangatnya atau menyisihkannya serta merta. Tetapi Baginda s.a.w. mengetahui dan menghargai kebolehannya dalam bidang membaca dan menghafal, lalu Baginda s.a.w. mengesyorkan perjuangan alternatif kepada Zaid, iaitu mempelajari dan menguasai bahasa Ibrani, yakni bahasa lama bangsa Yahudi.

Setelah menjalankan nasihat Rasulullah s.a.w., Zaid bin Thabit r.a. kemudiannya menjadi jurutulis dan penterjemah rasmi kepada Baginda s.a.w., walaupun beliau masih berusia **muda**. Begitulah acuan Rasulullah s.a.w. yang dengan penuh kasih sayang dan berpandangan jauh, memperkasa dan memanfaatkan potensi golongan **belia** di sekelilingnya.

Akhirnya, Zaid r.a. menjadi tokoh ilmuwan yang memainkan **peranan** utama dalam proses pengumpulan mushaf setelah kewafatan Rasulullah s.a.w.

Saudara yang dikasihi sekalian,

Contoh-contoh yang dibentangkan tadi mengundang kita untuk bermuhasabah dan bertanya kepada diri kita sendiri: *Apakah peranan kita dalam membimbing para **belia** dan **anak muda**? Bilakah kali terakhir kita menjadi pembakar semangat yang membentuk peribadi generasi mukmin akan datang?*

Di sini, izinkan khutbah mengusulkan empat perkara yang boleh kita lakukan:

Pertama: Menjadi contoh yang baik

Golongan **belia** adalah pemerhati yang tajam. Kadangkala, mereka lebih terkesan dengan kelakuan berbanding perkataan. Sekadar mengarahkan mereka menjadi insan yang baik, menjaga solat, menjauhi maksiat, adalah tidak memadai sekiranya mereka tidak melihat perkara yang sama dilakukan oleh kita. Oleh itu, ayuh berusaha agar diri kita terlebih dahulu menjadi cermin keperibadian mukmin yang ingin kita lihat pada diri mereka.

Kedua: Membimbing dengan hikmah

Inilah pendekatan sebenar Rasulullah s.a.w. Baginda tidak **mendidik** jiwa **belia** dengan herdikan, cemuhan atau leteran.

Sebaliknya, dengan mencungkil potensi yang dimiliki oleh setiap **belia** dengan kelembutan dan penuh kasih sayang. Setiap kesilapan perlu diperbetulkan, namun ambillah pendekatan yang membina dan melihat kesilapan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran.

Ketiga: Meletakkan kepercayaan kepada mereka

Usahlah kita memandang rendah keupayaan **anak muda**. Sirah merakamkan bagaimana Rasulullah s.a.w. bersedia meletakkan tanggungjawab yang besar di atas bahu Zaid bin Thabit r.a., seperti yang dikisahkan tadi. Sekiranya kita mendapati **anak-anak muda** masih kurang kemahiran, **bimbinglah** mereka untuk menggilap kebolehan tersebut. Berikan mereka ruang untuk menyumbang, berdasarkan minat dan kemahiran mereka, agar mereka merasa dihargai. Kelak, mereka pula yang akan memikul amanah agama dan harapan bangsa.

Keempat: Mendoakan golongan belia

Rasulullah s.a.w. tidak lekang daripada mendoakan kesejahteraan **anak muda** di sekelilingnya. Selain mengeratkan hubungan dan memberikan semangat, kata-kata yang diuntai melalui doa juga merupakan bukti kebergantungan dan keyakinan kita, bahawa Allah s.w.t. mampu menitipkan apa sahaja kebaikan buat kita semua.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Usaha membentuk generasi masa hadapan yang bertakwa adalah tanggungjawab kita semua. Yang lebih dewasa perlu memainkan **peranan**, yang muda juga harus terbuka menerima **bimbingan**. Ia bukanlah hubungan satu hala. Sebaliknya, ia adalah satu jalinan yang saling melengkapi dan menguatkan.

Semoga Allah s.w.t. menautkan kasih sayang antara kita, menuntun setiap langkah kita dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas kita semua. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْخُرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَوْدِعُكَ أَنْفُسَنَا وَأَهْلَنَا وَبِلَادَنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِ الْمُفْسِدِينَ، وَكَيْدِ الْمُعْتَدِينَ، وَظُلْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي مُخَوَّرِهِمْ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً،
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا
رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَا تَدْرُكُ
اللَّهُ أَكْبَرَ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.